

KENDI BESAR DI TANAH GERSANG

Oleh **Susan Cummings**

20hb April 2005

(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia)

Saya nampak tanah rata yang amat luas dan tidak banyak tumbuh-tumbuhan, tetapi banyak batu dan landskap kasar, dengan sedikit belukar dan benda-benda. Ia bukan padang pasir, tetapi satu kawasan tanah gersang. Di dalam kawasan ini, bertaburan serpihan barang-barang tembikar atau wadah-wadah yang terletak bertaburan dan dalam suatu keadaan dibuang.

Suatu angin mula bertiup di atas serpihan-serpihan dan serpihan-serpihan ini mula berangkat dari tanah dan bersatu dan melekat bersama dan padan seperti serpihan-serpihan ini kepunyaan satu sama lain, walaupun setiap serpihan adalah berlainan dalam setiap aspek. Serpihan-serpihan mula membentuk menjadi satu jenis kendi besar. Ia menjadi satu kendi yang sangat besar dan ia duduk di atas tanah dan adalah kesemuanya berlainan warna kerana ia adalah dibentuk daripada semua serpihan berlainan yang terletak di sekeliling, dan namun, serpihan-serpihan semua padan secara luar biasa, seolah-olah serpihan-serpihan ini adalah semua dari satu serpihan dahulunya.

Tuhan kemudian berdiri di sebelah saya dan berfirman,

“Apa yang kamu nampak di depan kamu adalah Musim Penapisan yang sudah tutup untuk Saki-Baki Saya (“My Remnant”). Saya memecahkan Wadah-Wadah Saya dan menaburkan mereka dan membawa mereka sepenuhnya ke dalam Api Saya dan mengusir setiap cebisan identiti daripada mereka, supaya tiada diri mereka dahulu yang akan mengganggu rancangan-rancangan baru Saya untuk mereka di dalam musim baru ini. Semua yang melawan Saya akan lucutkan daripada mereka, dan memecahkan ke dalam abu-abu, dan dibuangkan dengan Nafas Saya, sambil ia meniup keluar semua kesan daging daripada mereka, dan ia juga membebaskan hati-hati yang diikat di dalam, dan menyebabkan mereka (hati-hati mereka) dibebaskan dan berdegup semula.”

“Tanah gersang adalah Musim yang sekarang berlalu. Saki-Baki Saya sedang bangun ke dalam tempat-tempat mereka dan sampai pada suatu pemahaman siapa mereka, dan tujuan mereka di dalam Saya. Saya telah mengajar mereka dan memberi makanan kepada mereka dengan tangan Saya sambil mereka berjalan bersama Saya pada masa-masa kesepian dan ketandusan. Saya menjadi satu-satunya bahagian mereka dan bekalan mereka. Mereka mengenali kedua-dua Kasih Saya dan Ketegasan Saya. Mereka memeluk penghakiman-penghakiman Saya dan akan sekarang berdiri di Waktu Keadilan yang akan membakar di serata dunia.”

“Kendi besar yang kamu nampak berdiri adalah Saki-Baki (“My Remnant”) Saya yang akan dicurahkan keluar di bumi. Mereka adalah Wadah-Wadah yang saya akan hidup melalui, dan dilepaskan melalui, sambil Saya mengerjakan Kehendak Saya di bumi. Saya sedang mengisi Umat Saya dengan Diri Saya. Saya sudah tunjukkan kamu ini. Kamu membawa satu bahagian, betul-betul seperti mereka akan dan adalah. Saya akan keluar daripada Umat Saya dalam banyak cara. Saya akan datang seperti Saya pilih, dan melakukan Kerja Saya, dan ia akan bukan seperti dunia atau gereja akan mahu atau ingini, atau pun menjangka, kerana Saya seorang diri adalah Allah, dan bukan seorang manusia. Manusia tidak mengenali Saya, kecuali dia adalah satu dengan Saya. Cara-cara Saya adalah bukan cara-cara manusia atau cara-cara gereja.”

“Firman Saya akan membawa pemisahan daripada mereka yang adalah Milik Saya dan mereka yang bukan. Pemecahan sudah bermula dan pemisahan sudah bermula bertambah dengan sangat besar, dan sangat besarlah akan jurang di antara, kerana tiada akan menyeberang ke yang sebelah lagi. Sama ada mereka adalah Milik Saya atau bukan. Saya menunjukkan kepada kamu pembelahan hati dan ia akan datang. Oleh kerana Saya akan memisahkan hati-hati dan menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang akan datang kepada Saya. Saya ada Umat yang mengasihi Saya sebagai Allah mereka, dan yang tidak mengasihi yang lain selain daripada Saya.”

“Kekacauan yang sangat besar akan bertambah sambil pemisahan bertambah, kerana banyak akan cuba menyelamatkan diri mereka dan bermain di dalam tempat selamat, tetapi tempat tersebut hanyalah akan ada di dalam Rumah Saya. Kamu mengetahui Kebenaran, dan kamu haruslah berjalan di dalamnya, dan haruslah berjalan di dalamnya, dan haruslah tunjukkan kepada mereka yang mencari Saya, jalan tersebut. Kamu haruslah berlari dalam perlumbaan kamu dan janganlah cuba memasang serpihan-serpihan yang jatuh, tetapi memanggil mereka ke dalam kepatuhan kepada Saya, dan Saya akan memasang mereka yang menyeru kepada Saya.”

“Ini tidak sama seperti Musim Penapisan. Ini adalah Musim Kebangkitan dan pengumpulan tulang-tulang kering Umat Saya di bumi. Saya bukan sahaja bergerak di Amerika, kerana Saya sedang bergerak di semua negara. Waktu sudah datang, untuk Milik Saya datang kepada Saya dengan sepenuhnya, atau ditinggalkan di sebelah yang bertentangan. Seperti apabila Saya memanggil Umat Saya datang kepada Saya melalui Musa di Gunung, dan mereka yang dengar Saya, datang kepada Saya, dan mereka yang tidak musnah di dalam gegaran yang sangat besar, jadi ia akan berlaku lagi.”

“Saya tidak akan bersabar menanggung suam-suam kuku di Rumah Saya. Ia akan panas bersama Saya atau sejuk tanpa Saya. Saya adalah Api Marak, dan Umat Saya akan membakar dan dikuasai oleh Saya, atau menjadi kubur-kubur kosong. Saya telah menunjukkan kepada kamu Perhimpunan-Perhimpunan Khemah. Saya sudah beritahu kamu untuk menyalakan

Khemah-Khemah Saya, seperti Saya ada banyak yang sekarang melakukan begitu, seperti kamu. Kamu mesti janganlah berhenti. Untuk Kendi Besar yang kamu nampak, adalah kebangkitan bersama Khemah-Khemah Saya. Ia sudah bermula, dan Umat Saya sedang bangkit.”

“Pergi dan lihat ke dalam Kendi Besar.”

Saya mendekati Kendi Besar tersebut dan melihat ke dalam. Ia penuh dengan air. Ia kelihatan seperti air. Saya mencapai ke dalam dan merasakan air. Ia sejuk dan rasa menarik. Tuhan berdiri di sisi saya dan mengangguk. Dia berfirman kepada Saya, ***“Ia bukanlah air. Ia adalah minyak yang datang melalui paip-paip Cahaya Saya dan mengisi mangkuk-mangkuk yang akan membakar dengan Api Saya. Saya sedang mengisikan mereka dengan Minyak Hidup Saya, and menyalakan Diri Saya di dalam mereka, melalui mereka, dan di atas mereka, supaya tiada orang boleh mengatakan yang mereka telah melakukan ini. Oleh kerana ia adalah suatu api syurgawi yang manusia tidak ada dan tidak dapat. Ia adalah Suci. Ia adalah Saya.”***

Kemudian, Tuhan berfirman untuk melihat ke dalam lagi.

Saya melihat ke dalam lagi, dan ia penuh dengan Api. Tuhan senyum kali ini, dan mencapai ke dalam, dan memberikan saya sebahagian daripadanya. Dia berfirman kepada saya, ***“Inilah bahagian yang lebih besar yang telah disimpan untuk Umat Saya di Waktu terakhir. Ia telah ditahan, kerana ia adalah Suci, dan Saya tidak akan memberikan apa yang Suci kepada suatu generasi yang tidak menghargainya lebih daripada semua. Kesucian Saya adalah mutiara yang sangat berharga. Firman Saya haruslah dicari-cari seperti mutiara dan dihormati sedemikian. Saya adalah Firman Hidup dan Api Kesucian. Saya tidak akan memberikan Diri Saya kepada mereka yang tidak mengasihi Saya atau mahukan Saya.”***

Tuhan berfirman melihat ke dalam lagi.

Saya melihat ke dalam lagi, dan kali ini, ada suatu ribut yang sangat besar di dalam Kendi Besar. Saya terperanjat. Tuhan berfirman kemudian, ***“Saya beritahu kamu bahawa Ribut tersebut sedang datang. Ia sekarang ada di bumi dan akan melanda. Ribut tersebut akan membawa pemisahan Milik Saya daripada mereka yang bukan, dan membawa Keadilan Saya. Saki-Baki tersebut telah menyediakan dirinya dan sedang menunggu nafas Saya untuk sekarang membawa pemulihan sepenuhnya. Itu sekarang sudah bermula juga. Saya sedang menggerakkan mereka ke tempat-tempat mereka. Mereka akan berdiri, di bawah Tangan Saya sambil Saya melalui bumi.”***

“Janganlah beri perhatian bila ia akan berlaku, tetapi beri perhatian kepada mereka yang Saya telah berikan kepada kamu, dan besarkan mereka, seperti Saya beritahu kamu. Kamu tahu apa yang perlu dibuat, seperti semua yang sudah ada tugas-tugas khas Saya, sekarang adalah masa untuk berbuat

sedemikian. Oleh kerana pemecahan keluar sekarang datang dan begitu juga pemisahan. Janganlah mengundur kerana tentangan, tetapi berlari dengan Misi Saya, dan lihat Saya mengumpulkan Milik Saya kepada Diri Saya. Masa sedang hampir tiba untuk Pendedahan.”

Tuhan berfirman kepada Saya untuk kali terakhir, untuk melihat ke dalam Kendi Besar.

Saya berbuat begitu, tetapi rasa kluatir kali ini. Dia mengangguk dan jadi saya melihat ke dalam. Ada kematian hitam di dalam Kendi Besar. Dia mengangguk secara serius dan berfirman kepada saya, ***“Ya. Kematian hitam akan datang, dan ia akan meragut nyawa banyak orang. Saya telah memberi amaran dan memanggil dan menyeru, dan tidak banyak menjawab, bahkan sekarang. Apa yang akan menjadi, akan sekarang menjadi. Kematian datang dari Kendi Besar, kerana Wadah-Wadah Saya adalah alat-alat Belas Kasihan Saya dan Kemurkaan Saya. Mereka akan mengucapkan apa yang Saya beritahu mereka dan mereka akan melakukan Kehendak Saya. Firman Saya akan menghakimi semua manusia. Setiap orang akan memilih takdir (“fate”) mereka. Firman Saya memang sudah keluar, dan ia sekarang sedang keluar, oleh sebab banyak wabak sudah bermula, tetapi akan bertambah, kerana hati-hati sekarang mengeras.”***

“Kamu mesti pergi dan percayakan Saya. Jika kamu tidak memenuhi takdir (“destiny”) kamu dan jika kamu memilih untuk tidak patuh, kamu juga akan binasa. Semua yang menafikan Saya akan binasa. Sama ada di bumi ini atau di keabadian, selama-lamanya terpisah daripada Saya. Tiada manusia dikecualikan. Bahkan kamu. Kamu mengenali Saya, dan ada Firman Saya hidup di dalam kamu, dan mengetahui Kehadiran Saya, dan telah mengambil bahagian dalam Api Saya. Kamu tiada alasan dan mesti ikut Saya. Jangan teragak-agak, tetapi pergi, dan berikan Firman Saya seperti Saya dedahkannya kepada kamu, dan janganlah takut, kerana Saya ada bersama kamu, dan bersama semua Milik Saya.”

“Angin-angin sedang bertiup dan pemecahan akan hanya bertambah sehingga pemisahan menjadi sempurna, seperti Saya berfirman, jadi pergilah, kerana waktu sudah lewat, dan orang-orang menunggu Saya. Oleh kerana Saya adalah Gembala dan Saya akan mengumpulkan Kawanan (“Flock”) Saya kepada Saya dan gembalakan mereka di tengah-tengah kegelapan dan sangat besarlah akan Kemuliaannya apabila Saya bangun di dalamnya, di bumi.”

Tuhan kemudian pergi dan saya berdiri di sana di sisi tanah gersang.

Tamat.

-Susan Cummings, 20hb April 2005 pada 11:44 p.m.

www.DivineRevelations.info/indonesia